

1. Pengenalan ringkas mengenai Kluster 2

Kluster 2 adalah pada asalnya Kluster 4 semasa permulaan kluster-kluster ditubuhkan ditahun 2015. Ianya bertukar nama ke Kluster 2 pada tahun 2021 semasa pindaan pertama dibuat ke atas sekolah-sekolah di kluster 1 hingga 5. Sepanjang penubuhan kluster, Kluster 4 telah diketuai oleh tiga orang ketua kluster. Cikgu Hjh Mariam binti Hj Ladi adalah Ketua Kluster yang pertama, diikuti oleh Cikgu Hjh Suriani binti Hj Noor Hashim dan Cikgu Abdullah bin Ismail. Dari November 2018 hingga sekarang, Kluster 2 diterajui oleh Cikgu Hjh Sarifah binti Hj Matsawali.

Sehingga Jun 2023, Kluster 2 terdiri daripada:

Ketua Kluster	:	Hjh Sarifah binti Hj Matsawali
Penolong Ketua Kluster	:	Mazleyati binti Hj Ramlee
Kumpulan Kerja	:	1) Dk Suryani binti Pg Hj Md Yasin 2) Pg Irdawati binti Pg Hj Sulaiman 3) Hjh Nursirinah Eloi binti Abdullah 4) Huzaimi bin Hj Abdul Kassim 5) Abdul Rani bin Hj Saman
Kerani	:	Rosnani binti Zalani

Peranan utama kluster adalah untuk memantau dan memberi sokongan kepada sekolah-sekolah yang berada di bawahnya menurut empat domain yang telah disenaraikan di dalam buku panduan untuk penilaian keseluruhan sekolah. Terdapat 26 buah sekolah di bawah Kluster 2 yang mana terdiri dari sebuah pusat tingkatan enam, tujuh buah sekolah menengah dan 18 buah sekolah rendah.

Bil	Pusat/ Maktab/ Sekolah	Singkatan
1	Pusat Tingkatan Enam Meragang	PTM
2	Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna	SM PAPHM
3	Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Salambigar	SM SSA
4	Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa	SM PIHM
5	Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri	SM PDSM
6	Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin	SOASC
7	Sekolah Tinggi Raja Isteri	STPRI
8	Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam	SMJA
9	Sekolah Rendah Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching	SR HMS
10	Sekolah Rendah Tanah Jambu	SR TJ
11	Sekolah Rendah Mentiri	SR MEN
12	Sekolah Rendah Serasa	SR S
13	Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin Muara	SR SUAS
14	Sekolah Rendah Kapok Muara	SR KM
15	Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei, Muara	SR TLDB
16	Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Mentiri	SR DMY
17	Sekolah Rendah Batu Marang	SR BM
18	Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	SR SAB
19	Sekolah Rendah Tanjung Kindana	SR TK
20	Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong	SR DRK
21	Sekolah Rendah Haji Mohammad Jaafar Maun, Kiulap	SR HMJMQ
22	Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah	SR RIF

23	Sekolah Rendah Pular Ulak	SR PU
24	Sekolah Rendah Mabohai	SR MAB
25	Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid Menunggol	SR NARM
26	SR Orang Kaya Besar Imas, Subok	SR OKBI

2. Misi Kluster 2:

Melibatkan semua pemimpin sekolah, guru-guru dan pihak-pihak berkepentingan melalui kolaborasi dan sokongan.

Visi Kluster 2:

Memperkasakan Semua Ke Arah Pendidikan yang Berkualiti

Logo Kluster 2 dan huraianya


Logo asal dicipta oleh Cikgu Harrisman Ashady bin Hj Ali, mantan kumpulan kerja semasa kluster ini masih dikenali sebagai Kluster 4, dan diubahsuai oleh beliau sendiri setelah nama kluster berubah je nama sekarang.



Kluster



Nombor 2 Romawi



Memperkasakan Semua Ke Arah Pendidikan yang Berkualiti



Melibatkan semua pemimpin sekolah, guru-guru dan pihak-pihak berkepentingan melalui kolaborasi dan sokongan.

Peranan Utama Ketua Kluster 2 dan pasukan kerja: Untuk menyokong dan membangunkan sekolah-sekolah dan pemimpin-pemimpin sekolah

DOMAIN 1: KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN				
NO.	ASPEK WSE	TERMA RUJUKAN	SKOP KERJA	MEKANISME PEMANTAUAN
1	1.1.2 Pelan Tindakan dan Pelaksanaan	Membimbing dan memastikan Pemimpin Sekolah melaksanakan perkara-perkara berikut: 1. Menyediakan dan mengimplementasikan Pelan Strategik Sekolah sejajar dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan. 2. Mengurus perjalanan harian sekolah, hal-ehwal pentadbiran, sistem komunikasi, penggunaan ICT, bilik darjah, perpustakaan sekolah dan pengurusan data yang efektif. 3. Mewujudkan pengurusan dan pembangunan sumber tenaga manusia bagi meningkatkan dan mempelbagaikan tahap profesionalisme staf dan kemajuan sekolah. 4. Mengendali urusan kewangan sekolah dengan sistematik mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan bagi membolehkan pelajar menikmati pendidikan yang bermakna. 5. Mengurus bangunan, logistik dan persekitaran sekolah bagi mewujudkan keadaan yang aman, selamat dan kondusif untuk proses pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan lancar. 6. Merancang, melaksana, memantau, menilai dan mengkaji semula secara konsisten program-program pembangunan dan program perkembangan professional untuk memajukan dan meningkatkan prestasi sekolah. 7. Mengurus dan mengendali sekolah mengikut dan mencapai piawaian yang ditetapkan. 8. Memupuk kemahiran kepimpinan bagi bakal-bakal pemimpin sekolah	<i>School Improvement Plan (SIP)</i>	<i>PDCA proforma</i>
2	1.2.4 Pengurusan Data		Monitoring tool: WSP	
3	1.3.1 Profesionalisme, Komitmen dan Akauntabiliti		<i>Key Performance Indicators (KPI)</i>	Maklum balas kata & lisan, sesi dialog, rebiu kerja, rebiu rakan sebaya
	1.4.2 Pembangunan Profesional		Program pembangunan Profesional berasaskan sekolah dan kluster	templat standard dari TSUT/BDTA
NO.	ASPEK WSE	TERMA RUJUKAN	SKOP KERJA	MEKANISME PEMANTAUAN
	2.1.3 Penglibatan Pelajar	Membimbing, membantu dan memantau Pemimpin Sekolah dalam pelaksanaan perkara-perkara berikut semasa lawatan sekolah: 1. Mengurus kurikulum untuk menyokong pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. 2. Mengurus, memantau, menyelia, menilai dan memberi maklum balas mengenai pembelajaran (hasil kualiti tugas pelajar) dan pengajaran (mengikut piawaian BTS) di Sekolah. 3. Menyediakan suasana dan peluang pembelajaran yang mencabar intelek pelajar yang dapat menaikkan motivasi dan minat pelajar.	Memastikan SL menunjukkan kepimpinan instruksional (fokus kepada guru & pelajar)	Alat pemantauan Kluster: <i>(LW & LO logs, timetables, TPA2.0 data, TPA+ data) Pemeriksaan tertumpu/sebarangan polisi LO, work scrutiny, TRF)</i>
2	2.1.6 Kecekapan Bahasa Pelajar		Penggunaan bahasa yang jelas dan tepat oleh pelajar Students'	<i>Lexile Score data</i>

		4. Memastikan penggunaan ICT (Pedagogi) di dalam pembelajaran dan pengajaran diperkukuhkan serta dimaksimakan dengan menerapkan kemahiran abad ke 21.	use of clear and accurate language	
3	2.1.8 Kualiti Kerja Pelajar	5. Memastikan rangka 'Teaching for Mastery in English Language and Mathematics' diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran. 6. Mengurus dan memodifikasi kurikulum mengikut kesesuaian dan keperluan pelajar.	Students' work meets learning objectives Hasil kerja pelajar menepati objektif pembelajaran	TPA SBA folder Work Scrutiny logbook
4	2.2.1 Perancangan dan Persediaan	7. Pemimpin Sekolah melaksanakan pencerapan penuh sekurang-kurang 2 kali seminggu 8. Memberi pandangan dan maklumbalas kepada pihak sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.	Lesson plans are well prepared Rancangan pengajaran disediakan dengan baik	TPA LP logbook
5	2.2.4 Penilaian untuk Pembelajaran	9. Memberi cadangan dan saranan kepada pihak sekolah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran seperti bengkel, program mentor, program bimbingan (coaching) dan lain-lain lagi.	A variety of assessment for learning strategies are used to meet students' individual abilities Pelbagai penilaian untuk strategi pembelajaran digunakan untuk memenuhi kebolehan individu pelajar	TPA SBA folder Work Scrutiny logbook LW & LO logbook
6	2.2.5 Muhasabah diri		Ensure SLs check lesson evaluation of teachers Memastikan SL menyemak penilaian pengajaran guru	TPA LP logbook (LP rubrics) SBA folder
7	2.3.3 Teknik Penyoalan		The use of dialogic teaching as in Tfm Penggunaan pengajaran dialogik seperti dalam Tfm	TPA 1.3 a,b,c,d LP logbook (LP rubrics) LW & LO logbook
NO.	ASPEK WSE	TERMA RUJUKAN	SKOP KERJA	MEKANISME PEMANTAUAN
1	3.2.1 Hubungan Ibu Bapa/Penjaga	Pihak kluster hendaklah memastikan pihak sekolah melaksanakan perkara-perkara berikut melalui program-program sekolah yang dirancang. 1. Membangun budaya sekolah yang positif seperti menerapkan nilai-nilai murni berdasarkan konsep Melayu Islam Beraja 2. Pengurusan persekitaran sekolah yang kondusif seperti keceriaan, kebersihan dan keselesaan 3. Mewujudkan perhubungan yang baik dan tulus sesama warga sekolah dengan ibubapa/ penjaga		Home link Kedatangan penuntut-penuntut Log book Aktiviti PIBG Laporan Gambar-gambar/video PTM

		<p>dan masyarakat luar (stakeholder ie. Ketua Kampong, JAPEM, MOH)</p> <p>4. Memantau pengurusan perkhidmatan kebajikan, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan pelajar dan staf</p> <p>5. Memantau pengurusan perkhidmatan kaunseling, bimbingan dan kerjaya.</p> <p>6. Membantu pihak sekolah dalam menangani masalah-masalah yang berbangkit seperti masalah disiplin, keselamatan sekolah dan sebagainya.</p> <p>7. Memberi saranan dan cadangan dalam meningkatkan kolaborasi antara pihak sekolah dengan organisasi lain</p>		
NO.	ASPEK WSE	TERMA RUJUKAN	SKOP KERJA	MEKANISME PEMANTAUAN
1	4.1.1 Penilaian Berasaskan Sekolah	<p>Membimbing dan memastikan pihak sekolah melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:</p> <p>1. Merancang, melaksanakan, memantau dan menilai pencapaian sekolah dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Peperiksaan dalaman dan awam ▪ Program program akademik bagi semua peringkat pelajar termasuk pelajar berkeperluan khas, BTEC & Pra Sekolah. ▪ Program – Program Ko-Kurikulum yang menjurus kepada pembentukan secara holistik termasuk akhlak, sikap positif dan nilai-nilai murni pelajar <p>2. Membantu dengan memberi pandangan dan idea untuk meningkatkan kualiti hasil pembelajaran pelajar</p> <p>3. Membantu dan memberi saranan pihak sekolah dalam program-program untuk meningkatkan pencapaian dalam Peperiksaan awam</p> <p>4. Strategi intervensi jangka pendek, sederhana dan Panjang</p> <p>5. Mengumpul dan menghadapkan data strategi intervensi 100 hari, 50 hari dan 20 hari sebelum peperiksaan peringkat O dan PSR</p>	<p>SBA dari Tahun 1 9</p> <p>Penilaian Dalaman bagi Tahun 10, 11 dan tingkatan enam.</p> <p>(Pastikan pemimpin-pemimpin sekolah menggunakan data untuk menyusun strategi selanjutnya)</p>	Keputusan Terma SBA / Rebiu Kemajuan

Kecekapan Merentas:

- Komunikasi
- Membuat keputusan
- Literasi Digital

INISIATIF – INISIATIF KLUSTER 2 2023

	<i>Inisiatif</i>	Aktiviti
1.	<i>Executive Professional Intellectual Collaboration (EPIC)</i>	<p>Inisiatif EPIC menggalakkan kolaborasi dinamik di kalangan Pemimpin Sekolah, mendorong budaya pertumbuhan intelektual dan pembangunan profesional. Melalui inisiatif ini, 100% Pemimpin Sekolah secara aktif berkongsi pandangan dan penemuan mereka dari bacaan literatur, pembentangan undangan, dan lawatan yang berkaitan dengan bidang minat mereka. Pengalaman yang dikongsi ini berkait rapat dengan kompetensi kepemimpinan tertentu, membolehkan pemimpin meningkatkan pertumbuhan mereka dalam bidang tersebut. Pemimpin mencatat pembelajaran mereka melalui jurnal reflektif, log pembelajaran, dan abstrak pembentangan, yang diharapkan dapat menyumbang kepada perjalanan pembangunan profesional yang komprehensif. Semua pemimpin membuat pembentangan, dengan sekurang-kurangnya dua lawatan dan keterlibatan daripada empat jemputan rakan kongsi. Inisiatif EPIC berjalan secara berkala setiap hari Rabu, dari Februari hingga September.</p>
2.	<i>Progress Review (School Leaders, Teachers Engaging Parallel Sessions (STEPS))</i>	<p>Program STEPS memberi tumpuan kepada peningkatan prestasi akademik sekolah terutamanya dalam subjek Matematik di sekolah-sekolah rendah dan subjek Bahasa Inggeris, , Matematik dan Sains (Combined Science) di sekolah – sekolah menengah Kluster 2. Inisiatif ini bertujuan untuk menangani cabaran keputusan A-C yang tidak memuaskan dalam subjek tersebut, yang memberi impak kepada pencapaian keseluruhan. Dalam pusingan pertama STEPS, setiap sekolah berkongsi amalan terbaik dalam pengajaran, diikuti dengan strategi yang diadopsi dan disesuaikan oleh setiap sekolah.</p> <p>Setiap sekolah membuat pelan tindakan untuk meningkatkan peratusan pelajar yang mencapai A-C dalam Bahasa inggeris, Matematik dan Sains, berdasarkan strategi yang dikongsi semasa sesi perkongsian STEPS. Lawatan ke sekolah-sekolah yang berkaitan dijalankan untuk meninjau dan belajar dari kaedah yang dikongsi. Pemantauan dilakukan pada masa tertentu (150 hari, 100 hari, 50 hari, dan 20 hari), dan kemajuan dikaji semula mengikut penggal sekolah.</p> <p>Pusingan kedua STEPS memberi tumpuan kepada perkongsian status pencapaian matematik Tahun 6 dan pelaksanaan strategi 20 hari sebelum PSR (Penilaian Sekolah Rendah). Di peringkat menengah, tumpuan diberikan khusus bagi Bahasa Inggeris, Matematik dan Combined science.</p> <p>Kejayaan inisiatif ini diukur melalui peningkatan peratusan A-C dalam Matematik di sekolah rendah dan peningkatan pencapaian A-C dalam, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Combined science di peringkat menengah. Inisiatif ini berlangsung dari Februari hingga September.</p>
3.	<i>Mentoring and Coaching (Selected School Leaders)</i>	<p>Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pemimpin sekolah terpilih yang telah mengenal pasti bidang-bidang yang perlu diperbaiki dalam kompetensi kepemimpinan mereka atau bidang fokus melalui penilaian BDSLC (Kompetensi Kepemimpinan Sekolah Brunei Darussalam). Objektifnya adalah untuk meningkatkan kemahiran mereka dan memberi impak positif kepada Rancangan Peningkatan Sekolah (SIP), Penilaian Keseluruhan Sekolah (WSE), dan pencapaian akademik sekolah. Pembimbing dipilih berdasarkan kepakaran mereka dengan matlamat meningkatkan mereka ke Tahap 4 atau 5. Projek ini memerlukan perbincangan antara pembimbing dan yang dibimbing untuk menetapkan sasaran. Sesi pembimbingan dijalankan mengikut jadual yang dipersetujui bersama. Ketua Kumpulan dan pegawai yang</p>

		mempunyai pengalaman program pembimbing sebelum ini berkhidmat sebagai pembimbing, manakala 16 orang yang dibimbing adalah pemimpin yang baru dilantik atau mereka yang belum mempunyai pembimbing. Pelantikan mentor secara formal dijalankan untuk mengukuhkan komitmen.
4.	<i>Peer Review School Improvement Plan (SIP PEER REVIEW)</i>	Program SIP Peer Review membolehkan pemimpin sekolah belajar dari rakan sebaya mereka melalui proses semakan berstruktur. Setiap pemimpin sekolah menerima maklum balas dan sokongan dari pemimpin rakan terpilih semasa lawatan 'WSE Microvalidation' (Penilaian Keseluruhan Sekolah) dan semakan SIP (Rancangan Peningkatan Sekolah). Program ini bertujuan untuk membantu sekolah dan pemimpin mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan SIP mereka, dan dengan itu meningkatkan kemajuan keseluruhan sekolah dan pencapaian pelajar. Program ini juga mendorong penggunaan berkesan kaedah putaran PDCA (Plan-Do-Check-Act) untuk peningkatan berterusan. Inisiatif ini menggalakkan kolaborasi dan perkongsian pengetahuan di kalangan pemimpin sekolah, dengan akhirnya memberi manfaat kepada guru dan pelajar.
5.	<i>PD CYCLE</i>	Program 'PD Cycle' diwujudkan selaras dengan visi untuk menghasilkan seorang pembimbing literasi dan seorang pembimbing numerasi di setiap sekolah untuk Program LNCP. Inisiatif ini bertujuan untuk Mengukuhkan penggunaan "TfM" dalam pengajaran Literasi dan Numerasi di sekolah-sekolah yang terpilih terutamanya menggunakan kaedah "Differentiation". Selain itu, inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian Matematik pelajar dalam peperiksaan dalaman dan awam. Selain dari itu, 'PD Cycle' juga diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan amalan pengajaran dan pencapaian pelajar dengan menggunakan pendekatan sistematik dan menekankan pembangunan profesional.
6.	<i>WSE Initiative Leadership Learning Circle (WILL)</i>	Inisiatif WILL berfokus pada meningkatkan pencapaian band Penilaian Keseluruhan Sekolah (WSE) di sekolah-sekolah menengah Kluster 2. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kompetensi semua Penolong guru besar dan Timbalan Pengetua (Pentadbiran) yang terlibat dalam menetapkan band WSE sekolah masing-masing. Dengan inisiatif ini, diharapkan ia akan dapat memberi pendedahan kepada pemimpin sekolah cara-cara menilai dan meningkatkan prestasi keseluruhan sekolah mereka dengan memberikan sokongan dan sumber rujukan yang bersesuaian.
7.	<i>Problem-Based and Active-Learning for Cluster Two Schools (PACTS)</i>	Tujuan program PACTS diadakan adalah untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Chemistry sambil memperkukuh pemahaman guru terhadap pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah. Inisiatif ini menitikberatkan penggunaan metodologi pengajaran yang aktif dan menarik sebagai satu usaha untuk meningkatkan pemahaman dan pencapaian pelajar. Dengan menerapkan pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah, guru didorong untuk meningkatkan tahap pemikiran kritis dan kemahiran analisis di kalangan pelajar, yang akan berdampak positif terhadap hasil pembelajaran.
8.	<i>Primary Subject Based Committee (PSBC)</i>	Inisiatif PSBC mendorong budaya perkongsian amalan terbaik di kalangan guru, terutamanya dalam bidang EMS (English, Mathematics, Science). Dengan menjalin hubungan rapat antara pemimpin sekolah dan mempromosikan kerja berkumpulan, inisiatif ini memudahkan pertukaran pengetahuan dan peningkatan kapasiti. PSBC menyediakan sumber yang berguna untuk menyokong guru-guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan penilaian mereka, yang pada akhirnya memberi manfaat kepada pengalaman pembelajaran pelajar.

Senarai Perkhidmatan Kluster 2:

1.	<i>School Visit and Lesson Observation</i>	Tujuan lawatan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang erat antara pasukan Kluster 2 dan komuniti sekolah dan memastikan komunikasi yang kukuh dan kerjasama yang baik terjalin di antara kedua pihak. Dengan cara ini, ia dapat mengukuhkan komunikasi dan kolaborasi, serta mempromosikan kesejahteraan dalam komuniti sekolah. Disambil itu juga, fungsi lawatan membolehkan dilaksanakan program-program dan inisiatif sekolah dan Kementerian Pendidikan dapat di pantau dengan lebih berkesan.
2.	<i>SIP development and Consultation</i>	SIP atau pelan pembaikan sekolah adalah salah satu tugas utama bagi meningkatkan “ internal WSE” sekolah masing-masing. Antara tugas -tugas Pegawai Kluster berkaitan dengan SIP adalah: <ul style="list-style-type: none">• Memastikan sekolah menyediakan SIP mereka dan melaksanakannya mengikut jadual yang ditetapkan• memastikan sekolah mengkaji rancangan SIP dan membuat cadangan penambahbaikan mengikut keperluan• memberikan maklum balas dan memberikan penilaian kearah kemajuan
3.	<i>Teachers Day Award Class observation</i>	Salah satu tugas ialah menjalankan Pemerhatian Kelas guru-guru yang di calonkan sebagai penerima Anugerah Hari Guru. Hasil pencerapan akan dikumpul dan data-data akan diserahkan kepada pihak-pihak tertentu yang menilai Anugerah Guru Cemerlang dan Anugerah 'Special Mention'.
4.	<i>WSE Microvalidation</i>	Pihak Kluster bekerjasama dengan Jabatan Kenaziran untuk menjalankan sesi Mikrovalidasi WSE. Perkhidmatan ini melibatkan kerjasama rapat dengan Jabatan Kenaziran semasa proses validasi Penilaian Keseluruhan Sekolah. Melalui kerjasama ini, kami memastikan konsistensi dan pematuhan terhadap standard penilaian WSE.
5.	<i>KPI Review School Leaders</i>	Perkhidmatan Semakan KPI bagi Pemimpin Sekolah adalah bertujuan untuk menyampaikan piawaian prestasi yang dijangka kepada Pemimpin sekolah. Kemajuan sekolah dipantau dan melalui analisis data, Pihak Kluster membantu Pemimpin sekolah menilai keberkesanan mereka dalam membangunkan sekolah masing-masing berdasarkan fakta dan bukti. Perkhidmatan ini mendorong peningkatan berterusan dan menyokong pemimpin sekolah dalam mencapai matlamat mereka.
6.	<i>Contact time with School Leaders</i>	Perkhidmatan ini bertujuan untuk membina hubungan yang erat antara kumpulan kerja dan sekolah-sekolah dalam Kluster 2. Sesi perjumpaan digunakan untuk menyampaikan maklumat-maklumat penting yang dikongsi oleh atasan di MOE/JSS (Kementerian Pendidikan/Jabatan Sekolah-Sekolah). Perjumpaan in dapat memastikan komunikasi dan kolaborasi yang efektif serta membina suasana sokongan untuk berkongsi perkembangan, maklumat, dan panduan antara kumpulan kerja dan sekolah-sekolah.

Inisiatif- Inisiatif Kluster 2 (2023)

1. Executive Professional Intellectual Collaboration (EPIC)

Inisiatif EPIC menggalakkan kolaborasi dinamik di kalangan Pemimpin Sekolah, mendorong budaya pertumbuhan intelektual dan pembangunan profesional. Melalui inisiatif ini, 100% Pemimpin Sekolah secara aktif berkongsi pandangan dan penemuan mereka dari bacaan literatur, pembentangan undangan, dan lawatan yang berkaitan dengan bidang minat mereka. Pengalaman yang dikongsi ini berkait rapat dengan kompetensi kepemimpinan tertentu, membolehkan pemimpin meningkatkan pertumbuhan mereka dalam bidang tersebut. Pemimpin mencatat pembelajaran mereka melalui jurnal reflektif, log pembelajaran, dan abstrak pembentangan, yang diharapkan dapat menyumbang kepada perjalanan pembangunan profesional yang komprehensif. Semua pemimpin membuat pembentangan, dengan sekurang-kurangnya dua lawatan dan keterlibatan daripada empat jemputan rakan kongsi. Inisiatif EPIC berjalan secara berkala setiap hari Rabu, dari Februari hingga September.

2. Progress Review (School Leaders, Teachers Engaging Parallel Sessions (STEPS)

Program STEPS memberi tumpuan kepada peningkatan prestasi akademik sekolah terutamanya dalam subjek Matematik di sekolah-sekolah rendah dan subjek Bahasa Inggeris, , Matematik dan Sains (Combined Science) disekolah – sekolah menengah Kluster 2. Inisiatif ini bertujuan untuk menangani cabaran keputusan A-C yang tidak memuaskan dalam subjek tersebut, yang memberi impak kepada pencapaian keseluruhan. Dalam pusingan pertama STEPS, setiap sekolah berkongsi amalan terbaik dalam pengajaran, diikuti dengan strategi yang diadopsi dan disesuaikan oleh setiap sekolah.

Setiap sekolah membuat pelan tindakan untuk meningkatkan peratusan pelajar yang mencapai A-C dalam Bahasa inggeris, Matematik dan Sains, berdasarkan strategi yang dikongsi semasa sesi perkongsian STEPS. Lawatan ke sekolah-sekolah yang berkaitan dijalankan untuk meninjau dan belajar dari kaedah yang dikongsi. Pemantauan dilakukan pada masa tertentu (150 hari, 100 hari, 50 hari, dan 20 hari), dan kemajuan dikaji semula mengikut penggal sekolah.

Pusingan kedua STEPS memberi tumpuan kepada perkongsian status pencapaian matematik Tahun 6 dan pelaksanaan strategi 20 hari sebelum PSR (Penilaian Sekolah Rendah). Di peringkat menengah, tumpuan diberikan khusus bagi Bahasa Inggeris, Matematik dan Combined science.

Kejayaan inisiatif ini diukur melalui peningkatan peratusan A-C dalam Matematik di sekolah rendah dan peningkatan pencapaian A-C dalam, Bahasa Inggeris, Matematik, dan Combined science di peringkat menengah. Inisiatif ini berlangsung dari Februari hingga September.

3. Mentoring and Coaching (Selected School Leaders)

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pemimpin sekolah terpilih yang telah mengenal pasti bidang-bidang yang perlu diperbaiki dalam kompetensi kepemimpinan mereka atau bidang fokus melalui penilaian BDSLC (Kompetensi Kepemimpinan Sekolah Brunei Darussalam). Objektifnya adalah untuk meningkatkan kemahiran mereka dan memberi impak positif kepada Rancangan Peningkatan Sekolah (SIP), Penilaian Keseluruhan Sekolah (WSE), dan pencapaian akademik sekolah. Pembimbing dipilih berdasarkan kepakaran mereka dengan matlamat meningkatkan mereka ke Tahap 4 atau 5. Projek ini memerlukan perbincangan antara pembimbing dan yang dibimbing untuk menetapkan sasaran. Sesi pembimbingan dijalankan mengikut jadual yang dipersetujui bersama. Ketua Kumpulan dan pegawai yang mempunyai pengalaman program pembimbing sebelum ini berkhidmat sebagai pembimbing, manakala 16 orang yang dibimbing adalah pemimpin yang baru dilantik atau mereka yang belum mempunyai pembimbing. Pelantikan mentor secara formal dijalankan untuk mengukuhkan komitmen.

4. Peer Review School Improvement Plan (SIP PEER REVIEW)

Program SIP Peer Review membolehkan pemimpin sekolah belajar dari rakan sebaya mereka melalui proses semakan berstruktur. Setiap pemimpin sekolah menerima maklum balas dan sokongan dari pemimpin rakan terpilih semasa lawatan 'WSE Microvalidation' (Penilaian Keseluruhan Sekolah) dan semakan SIP (Rancangan Peningkatan Sekolah). Program ini bertujuan untuk membantu sekolah dan pemimpin mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan SIP mereka, dan dengan itu meningkatkan kemajuan keseluruhan sekolah dan pencapaian pelajar. Program ini juga mendorong penggunaan berkesan kaedah putaran PDCA (Plan-Do-Check-Act) untuk peningkatan berterusan. Inisiatif ini menggalakkan kolaborasi dan perkongsian pengetahuan di kalangan pemimpin sekolah, dengan akhirnya memberi manfaat kepada guru dan pelajar.

5. PD CYCLE

Program 'PD Cycle' diwujudkan selaras dengan visi untuk menghasilkan seorang pembimbing literasi dan seorang pembimbing numerasi di setiap sekolah untuk Program LNCP. Inisiatif ini bertujuan untuk Mengukuhkan penggunaan "TfM" dalam pengajaran Literasi dan Numerasi di sekolah-sekolah yang terpilih terutamanya menggunakan kaedah "Differentiation". Selain itu, inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian Matematik pelajar dalam peperiksaan dalaman dan awam. Selain dari itu, 'PD Cycle' juga diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan amalan pengajaran dan pencapaian pelajar dengan menggunakan pendekatan sistematik dan menekankan pembangunan profesional.

6. WSE Initiative Leadership Learning Circle (WILL)

Inisiatif WILL berfokus pada meningkatkan pencapaian band Penilaian Keseluruhan Sekolah (WSE) di sekolah-sekolah menengah Kluster 2. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kompetensi semua Penolong guru besar dan Timbalan Pengetua (Pentadbiran) yang terlibat dalam menetapkan band WSE sekolah masing-masing. Dengan inisiatif ini, diharapkan ia akan dapat memberi pendedahan kepada pemimpin sekolah cara-cara menilai dan meningkatkan prestasi keseluruhan sekolah mereka dengan memberikan sokongan dan sumber rujukan yang bersesuaian.

7. Problem-Based and Active- Learning for Cluster Two Schools (PACTS)

Tujuan program PACTS diadakan adalah untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Chemistry sambil memperkukuh pemahaman guru terhadap pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah. Inisiatif ini menitikberatkan penggunaan metodologi pengajaran yang aktif dan menarik sebagai satu usaha untuk meningkatkan pemahaman dan pencapaian pelajar. Dengan menerapkan pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah, guru didorong untuk meningkatkan tahap pemikiran kritis dan kemahiran analisis di kalangan pelajar, yang akan berdampak positif terhadap hasil pembelajaran.

8. Primary Subject -Based Committee (PSBC)

Inisiatif PSBC mendorong budaya perkongsian amalan terbaik di kalangan guru, terutamanya dalam bidang EMS (English, Mathematics, Science). Dengan menjalin hubungan rapat antara pemimpin sekolah dan mempromosikan kerja berkumpulan, inisiatif ini memudahkan pertukaran pengetahuan dan peningkatan kapasiti. PSBC menyediakan sumber yang berguna untuk menyokong guru-guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan penilaian mereka, yang pada akhirnya memberi manfaat kepada pengalaman pembelajaran pelajar.

Senarai Perkhidmatan Kluster 2:

1. Lawatan Sekolah dan Pemerhatian Pengajaran

Tujuan lawatan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang erat antara pasukan Kluster 2 dan komuniti sekolah dan memastikan komunikasi yang kukuh dan kerjasama yang baik terjalin di antara kedua pihak. Dengan cara ini, ia dapat mengukuhkan komunikasi dan kolaborasi, serta mempromosikan kesejahteraan dalam komuniti sekolah. Disambil itu juga, fungsi lawatan membolehkan melaksanakan program-program dan inisiatif sekolah dan Kementerian Pendidikan dapat di pantau dengan lebih berkesan.

2. SIP development and Consultation

SIP atau pelan pembaikan sekolah adalah salah satu tugas utama bagi meningkatkan “ internal WSE” sekolah masing-masing. Antara tugas -tugas Pegawai Kluster berkaitan dengan SIP adalah:

- memastikan sekolah menyediakan SIP mereka dan melaksanakannya mengikut jadual yang ditetapkan,
- memastikan sekolah mengkaji rancangan SIP dan membuat cadangan penambahbaikan mengikut keperluan
- memberikan maklum balas dan memberikan penilaian kearah kemajuan

3. Teachers Day Award Class observation

Salah satu tugas ialah menjalankan Pemerhatian Kelas guru-guru yang di calonkan sebagai penerima Anugerah Hari Guru. Hasil pencerapan akan dikumpul dan data-data akan diserahkan kepada pihak-pihak tertentu yang menilai Anugerah Guru Cemerlang dan Anugerah 'Special Mention'.

4. WSE Microvalidation

Pihak Kluster bekerjasama dengan Jabatan Kenaziran untuk menjalankan sesi Mikrovalidasi WSE. Perkhidmatan ini melibatkan kerjasama rapat dengan Jabatan Kenaziran semasa proses validasi Penilaian Keseluruhan Sekolah. Melalui kerjasama ini, Pegawai Kluster akan memastikan konsistensi dan pematuhan terhadap standard penilaian WSE.

5. KPI Review School Leaders

Perkhidmatan Semakan KPI bagi Pemimpin Sekolah adalah bertujuan untuk menyampaikan piawaian prestasi yang dijangka kepada Pemimpin sekolah. Kemajuan sekolah dipantau dan melalui analisis data, Pihak Kluster membantu Pemimpin sekolah menilai keberkesanan mereka dalam membangunkan sekolah masing-masing berdasarkan fakta dan bukti. Perkhidmatan ini mendorong peningkatan berterusan dan menyokong pemimpin sekolah dalam mencapai matlamat mereka.

6. Contact time with School Leaders


Perkhidmatan ini bertujuan untuk membina hubungan yang erat antara kumpulan kerja dan sekolah-sekolah dalam Kluster 2. Sesi perjumpaan digunakan untuk menyampaikan maklumat-maklumat penting yang dikongsi oleh atasan di MOE/JSS (Kementerian Pendidikan/Jabatan Sekolah-Sekolah). Perjumpaan ini dapat memastikan komunikasi dan kolaborasi yang efektif serta membina suasana sokongan untuk berkongsi perkembangan, maklumat, dan panduan antara kumpulan kerja dan sekolah-sekolah.

C2 INSTAGRAM AND QR CODE

<https://www.instagram.com/p/Ct21MwHShhy/?igshid=NjZiM2M3MzIxNA==>



KLUSTER 2 KALENDAR DAN INFOGRAPHIC



Cluster 2 Initiatives 2023	J	F	M	A	M	J	J	A	S	O	N	D	J 2024
EPIC	EPIC SOCIALIZATION		READING AND RESEARCH		LEADERSHIP SHARING AND SCHOOL VISITS								
	SHARING RESEARCH TITLES		SHARING BY INVITED GUESTS		PRESENTATIONS AND SHOWCASE								
MENTORING & COACHING	INTRODUCTION TO MENTORING AND COACHING		MENTORING SESSION										
	CLASSROOM COLLABORATION												
SIP PEER REVIEW	SIP DEVELOPMENT				SIP REVIEW 1		SIP REVIEW 2						
	SIP IMPLEMENTATION												
WILL	INTERNAL WHOLE SCHOOL EVALUATION		PROFESSIONAL DEVELOPMENT			SHARING SESSIONS							
	EVIDENCE COLLECTION AND MONITORING												
PD CYCLE	PD CYCLE 1				PD CYCLE 2								
PACTS	PACTS SOCIALIZATION AND SUPPORT				TOPICS COMPILATION								
	PBL LESSONS CYCLE 1				PBL LESSONS CYCLE 2								
STEPS	STEPS ADOPT AND ADAPT DEVELOPMENT				STEPS REVIEW								
	STEPS IMPLEMENTATION IN CLASSROOM												
PSBC	DEVELOPMENT AND RESTRUCTURING				PSBC IMPLEMENTATION								

